

# Lancar program tanam semula balak

**R**AUB: Pejabat Hutan Daerah (PHD) mengadakan program menanam semula pelbagai spesies balak bermutu tinggi seperti cengal, meranti dan balau sambil dibantu badan bukan kerajaan (NGO) dalam usaha memulihkan kawasan hutan yang diceroboh secara haram oleh individu tidak bertanggungjawab.

Pegawai PHD Raub, Zul-fakar Ali berkata, setiap tahun aktiviti menanam pokok balak di kawasan yang dikenal pasti diceroboh dilakukan pihaknya bagi memastikan kawasan terbabit tidak dikategorikan sebagai miskin dan mengundang kejadian hakisan.

Menurutnya, sokongan padu NGO prihatin dengan alam sekitar merencanakan lagi aktiviti berkenaan.

"Kami menjalinkan kerjasama erat dengan Pertubuhan Perlindungan Khazanah Alam (Peka) yang dianggotai individu prihatin dengan



**DEMI ALAM...pelajar sekolah diberi peluang menanam pokok di Hutan Simpan Teranum, Raub.**

alam sekitar terutama mem-babitkan hutan.

"Pembabitkan beberapa NGO lain termasuk sekolah merencanakan lagi usaha kita memulihkan kawasan ceroboh di daerah ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Gotong-Royong Menanam Pokok di kawasan ceroboh Hutan Simpan Teranum yang dirasmikan Pegawai Daerah Raub,

Datuk Ismail Mohd Ali, dekat sini, kelmarin.

Lebih 200 kakitangan PHD Raub dengan kerjasama ahli Peka dan Sekolah Antara-bangsa Cempaka, Selangor menyertai program berkenaan.

Sebanyak 1,500 pokok cengal dan balau di tanam dalam kawasan seluas 12.6 hektar di hutan simpan terba-bit.

4/NETRO RAUB  
+ 18/7/12